

500 ikan dilepas untuk pertandingan memancing terbuka USIM

SEREMBAN 5 Nov. - Lebih 500 ekor ikan pelbagai jenis dilepaskan ke dalam Tasik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dekat sini hari ini menjelang Pertandingan Memancing Terbuka sempena Pesta Konvokesyen USIM Ke-13, Ahad ini.

Upacara pelepasan ikan pada pukul 12.30 tengah hari itu disem-

purnakan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Pemasaran dan Pengedaran, Utusan Melayu (M) Berhad, Rosman Zulkifli dan Pengurus Acara dan Tajaan Wilayah F&N Beverages

Marketing Sdn. Bhd., Muhammad Fauzi Ahmad.

Musa ketika ditemui *Utusan Malaysia* memberitahu, program itu merupakan acara tahunan sejak beberapa tahun lalu dan pihaknya melepaskan pelbagai jenis ikan antaranya patin dan keli untuk dipancing oleh para peserta.

"Alhamdulillah, acara ini me-

mang menjadi tumpuan orang ramai setiap tahun sekali gus menghangatkan pesta konvokesyen yang dianjurkan dengan kerjasama Kumpulan Utusan.

"Jadi untuk pertandingan kali ini kita sasarkan jumlah penyertaan seramai 500 orang yang akan menunjukkan bakat dan kepakaran mereka bagi merebut hadiah yang

ditawarkan," katanya.

Sementara itu, Muhammad Fauzi menjelaskan, program itu merupakan salah satu usaha pihaknya dalam mengetengahkan jenama keluaran F&N Beverages kepada para pengunjung yang hadir pada pertandingan kali ini.

"Ini juga merupakan peluang kami untuk mempromosikan EST

Xola yang amat bersesuaian dengan generasi muda melibatkan pelajar universiti," katanya.

Hadiah tempat pertama adalah wang tunai RM5,000 sementara tempat kedua akan menerima wang tunai RM2,000 manakala pemenang tempat ketiga bakal menerima wang tunai berjumlah RM1,500.